



UniSHAMS

جامعة السلطان عبدالعزيز بن عبدالعزيز الإسلامية العالمية
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

**PEKELILING PENDAFTAR
BILANGAN 03/2022**

Tarikh : 14 Oktober 2022
22 Safar 1444H

Semua Pegawai UniSHAMS

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg Prof. / Dr / Tuan / Puan,

DASAR PEMBAYARAN GANJARAN PERKHIDMATAN UNTUK PEGAWAI TETAP UNISHAMS

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelas dan melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Syarikat berkaitan Dasar Pembayaran Ganjaran Perkhidmatan Untuk Semua Pegawai Tetap Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS).

2.0 LATAR BELAKANG

Lembaga Pengarah Syarikat telah meluluskan cadangan dasar Pemberian Ganjaran Perkhidmatan kepada Pegawai UniSHAMS pada mesyuarat kali Ke-14 yang telah diadakan pada hari Isnin, 17 Januari 2022, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Besar Kedah, Blok A, Aras 3, Wisma Darul Aman.

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif dalam mesyuaratnya kali ke-123 (Bil 09/2022) bertarikh 20 September 2022 telah bersetuju agar satu pekeliing dikeluarkan bagi tujuan yang sama.

3.0 PERATURAN PELAKSANAAN PEMBAYARAN

Bayaran ganjaran perkhidmatan ini adalah mengikut kaedah pengiraan yang berikut:

(Kadar 7.5% X Jumlah Genap Bulan Perkhidmatan X Gaji Akhir Sebelum INSANIAH diswastakan *)

* Nota : Tarikh INSANIAH SDN. BHD. ditubuhkan ialah pada 23 Januari 2003.

4.0 TARIKH PEMBAYARAN

Bayaran akan dibuat kepada pegawai yang telah tamat perkhidmatan dengan UniSHAMS setelah memenuhi syarat-syarat kelayakan.

5.0 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Tertakluk kepada perenggan 3, pegawai yang layak dibayar ganjaran perkhidmatan adalah seperti berikut:-

- 5.1 Pegawai tetap yang dilantik sehingga tarikh 23 Januari 2003, iaitu tarikh INSANIAH mula diswastakan.
- 5.2 Pegawai berstatus warganegara sahaja.
- 5.3 Pegawai berstatus tetap yang telah disahkan jawatan.
- 5.4 Tidak meletak jawatan sebelum tempoh persaraan.
- 5.5 Tidak bersara awal iaitu sebelum mencapai umur 50 tahun kecuali atas sebab kesihatan.
- 5.6 Tidak diberhentikan perkhidmatan oleh Jawatankuasa Tatatertib UniSHAMS.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"MELESTARIKAN ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN"

"KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD FAHMI BIN SYEIKH OMAR)

Pendaftar